

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang wajib diambil kepada majikan yang masih gagal membayar pampasan kepada bekas pekerja yang diberhentikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sekiranya syarikat masih beroperasi dan gagal membayar faedah penamatan perkhidmatan atau lain-lain faedah sebagaimana kontrak perkhidmatan, pekerja boleh membuat aduan atau memfailkan kes tuntutan kes di Mahkamah Buruh di Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran. Perlindungan kepada pekerja-pekerja yang akan dan telah diberhentikan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta 265/ Peraturan-peraturan Kerja iaitu;

- i. Gaji Ganti Notis di bawah Seksyen 12 (2), Akta Kerja 1955;
- ii. faedah Pemberhentian Kerja seperti mana dalam Peraturan-Peraturan Kerja, Faedah-Faedah Penamatan dan Rentikerja Sementara 1980;

SOALAN NO: 23

- iii. bayaran kerja lebih masa, kerja pada hari cuti am, kerja pada hari rehat dan baki cuti tahunan berbayar ; dan
 - iv. lain-lain bayaran tetap mengikut kontrak perkhidmatan
2. Sekiranya majikan gagal mematuhi perintah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah, majikan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan perintah seperti:
- (i) Pendakwaan di Mahkamah Majistret atas kesalahan ingkar perintah di bawah seksyen 69(4) Akta Kerja 1955;
 - (ii) saman Penghutang Penghakiman bagi mahkamah menilai kemampuan majikan membayar jumlah terakru; dan
 - (iii) writ Penyitaan dan Penjualan bagi menjual aset alih majikan dan membayar balik hasil jualan kepada pekerja bagi menyelesaikan tunggakan terakru.
3. Sekiranya pekerja berhasrat untuk pemulihan pekerjaan (*reinstatement*) boleh memfailkan kes di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Akta ini memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja terhadap sebarang bentuk penamatan kerja tanpa sebab atau tanpa alasan yang munasabah untuk digajikan semula.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di samping itu, melalui Akta Sistem Insurans Pekerjaan, pekerja diberi perlindungan insurans kepada pekerja yang diberhentikan kerja supaya mendapat faedah sekiranya diberhentikan. Pekerja dan majikan yang mencarum di bawah skim akta ini akan dibayar faedah sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta. Melalui kewujudan Akta ini, tidak timbul lagi isu pekerja tidak

SOALAN NO: 23

mendapat sebarang bayaran akibat penamatan pekerjaan kerana melalui caruman yang dibuat, pekerja yang diberhentikan kerja akan mendapat bayaran yang sewajarnya.

5. Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018 berperanan untuk membantu pekerja yang diberhentikan selaras dengan objektifnya memberi perlindungan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan dan membantu mereka mendapatkan pekerjaan baharu. Faedah-faedah di bawah Akta ini ialah:

- i) Penempatan Pekerjaan dan Kaunseling Kerjaya;
- ii) Elaun Mencari Pekerjaan;
- iii) Elaun Bekerja Semula Awal;
- iv) Elaun Pendapatan Berkurang;
- v) Elaun Latihan; dan
- vi) Fi Latihan.